



Kiosk Siswa Niaga disediakan untuk pelajar yang ingin menjadi usahawan.



Pelbagai program dan aktiviti di bawah Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa USIM.

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur



TAMBAHAN PULA, AMALAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN ADALAH SUNNAH YANG DIAJAR OLEH RASULLAH S.A.W YANG MENYATAKAN BAHAWA SEMBILAN DARIPADA 10 PUNCA REZEKI ADALAH DARIPADA BIDANG BERKENAAN

Dr Ummi Salwa Ahmad Bustamam,
Pegawai PPKS USIM

Dalam usaha melahirkan graduan bersifat holistik, berdaya keusahawanan serta cemerlang duniawi dan ukhrawi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) merangka pelbagai program keusahawanan di dalam dan luar kampus.

Pegawai PPKS USIM, Dr Ummi Salwa Ahmad Bustamam, berkata program berkenaan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam dewan kuliah, berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli.

Katanya, usaha berkenaan seiring kewujudan PPKS bagi melahirkan graduan usahawan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif, inovatif, berani menanggung risiko dan bersemangat kental.

"Di USIM, subjek keusahawanan wajib diambil setiap pelajar. Justeru, pelajar jurusan syariah, dakwah, komunikasi, kaunseling, sains teknologi, malah bidang perubahan dan pergigian sekali pun, wajib mengambil subjek berkenaan.



Peserta projek penternakan ikan keli menerima pendedahan secara teori dan praktikal.

Usahawan seimbang duniawi, ukhrawi



Pelajar USIM menyertai projek fertigasi di bawah Sekretariat MyAgrosis.

"Subjek ini penting bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai aspek keusahawanan yang boleh diintegrasikan dalam pelbagai bidang yang mana 70 peratus daripadanya berbentuk praktikal," katanya.

Jualan produk

Sebagai contoh, Dr Ummi Salwa berkata, Minggu Keusahawanan Siswa diadakan bagi memberi peluang pelajar menjalankan perniagaan sama ada dalam bentuk jualan produk atau perkhidmatan.

Katanya, Sekretariat Latihan Keusahawanan Siswa (SeLKS) juga ditubuhkan bagi membantu PPKS memudahkan aktiviti dan program keusahawanan.

Selain itu, bidang keusahawanan tani turut diperkasa dengan penubuhan Sekretariat MyAgrosis yang menjalankan tiga projek

utama iaitu K-Shoppe, akuakultur dan fertigasi.

"Pelajar didedahkan secara teori dan praktikal mengenai tadbir urus kedai runcit, penternakan ikan keli serta penanaman cili dan rock melon.

"Sementara aktiviti keusahawanan sosial pula membabitkan beberapa projek bagi membantu masyarakat di beberapa daerah sekitar Negeri Sembilan seperti penanaman pisang dan pembuatan kerepek pisang di kampung Orang Asli di Jekebu.

"Turut dijalankan projek penternakan ikan keli oleh warga orang kelainan upaya di Labu dan pengumpulan minyak terpakai sekitar Nilai serta Pajam," katanya.

Bagi menggalakkan pelajar menjalankan perniagaan dalam kampus, PPKS turut menyediakan pasarana dan premis seperti Pusat Keusahawanan Pelajar (PKP), Student

Mall, Kios Siswaniaga serta kanopi khas.

Tadbir urus

"PPKS memainkan peranan penting bagi mentadbir urus program keusahawanan agar lebih tersusun selain melahirkan graduan usahawan yang bukan sahaja memikirkan keuntungan dari segi hasil jualan, malah menitikberatkan aspek keusahawanan Islam.

"Hal ini termasuk memastikan usahawan membayar zakat, sedekah, wakaf serta mengamalkan perniagaan menurut syariat Islam," katanya.

Beliau berkata, pensyarah dan pentadbir universiti perlu memainkan peranan penting bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan kondusif dalam mencapai hasrat melahirkan lebih ramai graduan usahawan dan graduan berciri keusahawanan.

INFO

Program PPKS 2016

- Hands on Programme for Entrepreneurship (HOPE) - program pembangunan kemahiran tahap tinggi yang menggunakan keusahawanan sebagai landasan utama
- Projek Inkubator Jahitan - kerjasama dengan Hani Prime Skill Academy bagi program kemahiran Dandan Rambut dan Pembuat Pakaian Wanita
- Youthpreneur - melahirkan usahawan muda aktif dalam perniagaan secara atas talian
- Keusahawanan Tani - dijalankan Sekretariat MyAgrosis membabitkan projek fertigasi (tanaman tomato), akuakultur (penternakan ikan keli) dan K-Shoppe (kedai runcit berasaskan pertanian)

Katanya, hubungan dengan pihak industri juga dilihat sangat penting bagi memastikan program keusahawanan menepati ciri pemain industri di luar sana.

"Baru-baru ini, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Musa Ahmad turut menekankan bahawa USIM akan terus menyuburkan program dan aktiviti keusahawanan sepanjang tahun ini.

"Tambahan pula, amalan perniagaan dan keusahawanan adalah sunnah yang diajar oleh Rasulullah S.A.W yang menyatakan bahawa sembilan daripada 10 punca rezeki adalah daripada bidang berkenaan.

"Justeru, kami akan sentiasa positif dan optimis dalam usaha memastikan sunnah ini terus melewar dalam kalangan seluruh warganya, hasil kerjasama padu semua pihak," katanya.